

# 'Masyarakat India masih mahu saya memimpin'

UM 17 OCT 2003

Oleh MOHD. FAIRUZ YUSOF

SERI KEMBANGAN  
16 Okt. — Datuk Seri S. Samy Vellu berkata beliau masih menerajui MIC kerana masyarakat India di negara ini **terus** memberi kepercayaan kepadanya untuk memimpin parti tersebut.

Presiden MIC itu memberitahu, sokongan itu dapat dilihat pada mesyuarat agung parti itu baru-baru ini apabila para ahli telah sebulat suara melantik beliau mengekalkan jawatan presiden.

Samy Vellu berkata, kepercayaan yang diberikan oleh ahlinya itu berikutan kejayaannya mengubah taraf kehidupan masyarakat India di negara ini.

"Ketika saya mengambil alih jawatan parti itu, jumlah ahli yang menyertainya sebanyak 75,000 ahli dan ketika ini jumlah tersebut telah meningkat kepada 600,000 ahli.

"Oleh itu, segala-segalanya bergantung kepada kepercayaan mereka yang menganggap masih relevan mengekalkan presiden sekarang untuk menerajui MIC," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Pameran Rumah Eksklusif 2003 di Pusat Pameran Mines di sini hari ini.

## Kemenangan

Beliau mengulas kenyataan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dalam satu temu bual dengan agensi berita *Bernama* kelmarin yang menasihatkan ahli-ahli politik veteran dalam Barisan Nasional (BN) supaya berundur dan memberi laluan kepada muka-muka baru.

Perdana Menteri berkata, mereka perlu memberi peluang kepada muka-muka baru dan juga perlu membantu berkempen bagi menjamin kemenangan calon-calon baru ini dalam pilihan raya umum akan datang.

Samy Vellu memberitahu, MIC mengamalkan dasar terbuka sama ada seseorang pemimpin veteran wajar berundur secara sukarela atau sebaliknya.

"Sebelum ini ada beberapa pemimpin veteran yang memegang jawatan tertinggi dalam MIC bersara bagi memberi laluan kepada generasi muda menerajui parti dan membela masyarakat India di negara ini," ujarnya.

Mengenai kedudukan beliau dalam kerajaan (Kabinet), beliau berkata itu adalah hak Perdana Menteri untuk menentukan.